

A. Isi tempat kosong di bawah ini dengan kata yang paling sesuai.

- 1 Zahrin mengadu _____ dia diperas ugut oleh Ikbal dan rakan-rakannya.
(kerana, bahawa)
- 2 _____ soalan yang mudah pun tidak dapat dijawabnya, _____ soalan yang susah. (Sedangkan...inikan pula, Baik...mahupun)
- 3 Hujan turun dengan lebatnya. _____, seluruh Kampung Muara Hilir banjir.
(Selain itu, Oleh sebab itu)
- 4 Siew Ling cacat penglihatan sejak dilahirkan _____ dia pandai berdikari.
(tetapi, demi)
- 5 Umairah mengangkat tangan _____ (lalu, sambil) bertanya soalan kepada Cikgu Lim.
- 6 Jalan raya itu sibuk. _____, pada waktu puncak. (Lebih-lebih lagi, Namun begitu)

B. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- 1 Sehingga matahari hampir terbenam, barulah Pak Tua pulang dari kebunnya.

- 2 Aqila menjerit bila tangannya dicakar oleh Si Comel.

- 3 Ibu bapa perlulah memberikan kasih sayang dan perhatian yang secukupnya kepada anak-anak bahawa mereka tidak berasa terabai.

- 4 Kaki kanan Sook Wah cedera sewaktu menyertai acara lumba lari itu. Tambahan pula, dia tetap meneruskan lariannya.

- 5 Pekerja di kilang itu akan terus berpiket selama tuntutan mereka tidak dipenuhi oleh pihak majikan.

- 6 Syafik menuduh saya mencuri buku ceritanya. Malahan, dia yang meletakkan buku cerita itu di tempat lain.

- 7 "Jika sekiranya tidak dirawat dengan segera, anak puan mungkin lumpuh seumur hidup," kata Doktor Munif kepada Puan Geetha.

- 8 Masalah pencemaran sungai di negara kita semakin serius. Namun demikian, semua pihak perlu bekerjasama untuk membendung masalah ini.

[16 markah]